

**Buku Panduan  
Penggunaan Khidmat Doktor Swasta  
Untuk Perkhidmatan Kesihatan  
di Klinik Kementerian Kesihatan  
Malaysia**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

**Edisi Julai 2008**

## Isikandungan

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka surat</b>
1.	<b>Tujuan</b>	<b>3</b>
2.	<b>Latarbelakang</b>	<b>3</b>
3.	<b>Kaedah pelaksanaan</b>	<b>5</b>
3.1	<i>cara pengambilan</i>	<b>5</b>
3.2	<i>proses pengambilan</i>	<b>5</b>
3.3	<i>kelayakan dan syarat perkhidmatan</i>	<b>7</b>
3.4	<i>prosedur perlantikan</i>	<b>7</b>
3.5	<i>kadar dan kaedah bayaran</i>	<b>8</b>
3.6	<i>tempat berkhidmat</i>	<b>8</b>
3.7	<i>pemilihan klinik</i>	<b>8</b>
3.8	<i>jangkamasa khidmat</i>	<b>8</b>
3.9	<i>waktu kerja</i>	<b>9</b>
3.10	<i>skop perkhidmatan</i>	<b>9</b>
3.11	<i>kepastian kualiti (quality assurance)</i>	<b>9</b>
3.12	<i>peruntukan undang-undang dan perjanjian</i>	<b>9</b>
3.13	<i>peruntukan pentadbiran</i>	<b>10</b>
3.14	<i>tugas dan tanggungjawab(TOR)</i>	<b>10</b>
3.14.1	<i>doktor swasta</i>	<b>10</b>
3.14.2	<i>pegawai perubatan y/m klinik</i>	<b>11</b>
3.14.3	<i>Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital</i>	<b>11</b>
3.14.4	<i>Pengarah Kesihatan Negeri</i>	<b>11</b>
4.	<b>Pertanyaan</b>	<b>12</b>
5.	<b>Tarikh pelaksanaan</b>	<b>12</b>
	<b>Lampiran 1: senarai tugas doktor swasta di Klinik KKM</b>	<b>13</b>
	<b>Lampiran 2: borang permohonan</b>	<b>14</b>
	<b>Lampiran 3: borang penilaian bagi doktor swasta</b>	<b>16</b>
	<b>Lampiran 4: borang penilaian oleh doktor swasta</b>	<b>19</b>
	<b>Lampiran 5: borang penilaian oleh pelanggan</b>	<b>20</b>
	<b>Lampiran 6: buku rekod harian</b>	<b>21</b>
	<b>Lampiran 7: Cadangan perkara untuk laporan/ulasan Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital</b>	<b>22</b>
	<b>Dokumen perjanjian</b>	<b>23</b>

**GARISPANDUAN PENGGUNAAN KHIDMAT DOKTOR SWASTA  
UNTUK PERKHIDMATAN KESIHATAN DI KLINIK KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA (HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN)**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Untuk memberi penjelasan mengenai kaedah pelaksanaan penggunaan khidmat doktor swasta untuk berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia
- 1.2 Untuk memaklumkan mengenai kaedah penilaian dan pemantauan yang perlu dijalankan diperingkat pelaksanaan.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Pelaksanaan perolehan perkhidmatan perubatan swasta telah dimulakan sejak 1985 oleh KKM. Walaubagaimanapun ia cuma melibatkan pengambilan pakar-pakar di hospital kerajaan. Masalah kekurangan pegawai perubatan untuk berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia juga adalah kritikal. Doktor swasta yang berdaftar dengan MMC yang mana boleh dipelawa untuk turut membantu Kementerian Kesihatan bagi meminimakan masalah kesulitan pengisian pegawai-pegawai perubatan di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia terutama yang mempunyai beban kerja yang tinggi dan khidmat pegawai perubatan amat diperlukan.
- 2.2 Cadangan untuk menggunakan khidmat doktor swasta di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Dasar Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan (JDPKK) bil.1/2002 pada 21.02.2002 dan mesyuarat Post-Cabinet pada 27.02.2002. Pengambilan doktor swasta untuk berkhidmat di Klinik Kesihatan telah dimulakan secara projek perintis pada tahun 2003 dengan kadar bayaran RM 25/ sejam. Kadar ini telah dinaikkan ke RM

40/sejam pada Julai 2004. Mesyuarat Post-Cabinet pada 18.06.2008 telah bersetuju agar kadar bayaran dari RM 40/sejam dinaikkan kepada RM 80/sejam. Ia merupakan insentif bagi mengalakkan lebih ramai doktor swasta tampil menawarkan khidmat mereka di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.3 Oleh kerana ini merupakan satu pendekatan yang baru dan melibatkan implikasi kewangan, penilaian dan pemantuan secara berterusan adalah perlu terutama dari aspek-aspek berikut;

- a) Sambutan doktor swasta, kos, kesesuaian masa perkhidmatan, kesinambungan perkhidmatan, kemampuan dalam pengendalian kes dan kualiti perkhidmatan.
- b) kesan terhadap beban kerja dan mutu penjagaan kesihatan di klinik Kementerian Kesihatan berkenaan termasuk kepuasan pelanggan.

Ini amat penting bagi perancangan akan datang terutama bagi mengetahui samada pendekatan ini membantu dalam memperbaiki perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

2.4 Pengambilan doktor swasta perlu dilakukan dengan teratur, mematuhi kriteria tertentu serta mempunyai sistem pemantauan yang efisien memandangkan pengambilan mereka untuk berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia melibatkan kos kepada kerajaan. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini telah disediakan iaitu Garispanduan Penggunaan Khidmat Doktor Swasta Untuk Perkhidmatan Kesihatan Di Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia secara sesional untuk dijadikan panduan bagi memudahkan implementasi di peringkat lapangan.

### **3. KAEDAH PERLAKSANAAN KADAR BARU RM 80 SEJAM**


#### **3.1 Cara pengambilan**

Doktor-doktor swasta boleh diambil berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia secara **sessional**. Bagi tujuan di atas, satu **surat perjanjian perlu ditandatangani** di antara Pengarah Kesihatan Negeri (wakil Kementerian Kesihatan Malaysia) dengan doktor swasta.

#### **3.2 Proses pengambilan**

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri melalui Pejabat Kesihatan Daerah/Hospital hendaklah mengenalpasti keperluan doktor swasta dan memaklumkan kepada doktor swasta di daerah berkenaan. Carta alir pengambilan hendaklah digunapakai sebagai panduan. Borang permohonan adalah seperti di lampiran 2.

**Rajah 1. Carta Alir Pengambilan Doktor Swasta Secara Sessional**



### **3.3 Kelayakan dan syarat perkhidmatan**

Doktor-doktor Swasta yang ingin berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- Warganegara Malaysia atau bertaraf pemaustatin tetap.
- Had umur tidak melebihi 65 tahun. Jika melebihi 65 tahun masih boleh dipertimbangkan oleh jawatankuasa negeri dengan pertimbangan yang sewajarnya.
- Mempunyai ijazah MBBS, MD atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.
- Telah berkhidmat dengan kerajaan atau Universiti sekurang-kurangnya 3 tahun.
- Calon-calon yang mempunyai latihan lanjutan di bidang yang diceburi dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia digalakkan memohon.

### **3.4 Prosedur perlantikan**

- Doktor swasta yang ingin memberi perkhidmatan ini boleh memohon melalui Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan ijazah perubatan dan Sijil Amalan Tahunan yang sah serta kurikulum vitae pemohon (**borang permohonan - Lampiran 2**).
- Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital bertanggungjawab untuk mengkaji dan mempertimbangkan permohonan doktor swasta tersebut dan mengemukakan kepada Pengarah Kesihatan Negeri untuk kelulusan.
- Ulasan mengenai keperluan serta kemudahan yang diperlukan di klinik dan sebagainya perlu dibincang sebelum kelulusan diberikan.

- Setelah diluluskan, kedua-dua pihak, Pengarah Kesihatan Negeri dan doktor swasta perlu menandatangani surat perjanjian bagi mengelakkan sebarang masalah "medico-legal".
- Tempoh perlantikan adalah selama tempoh seperti yang dinyatakan dalam surat perjanjian.

### **3.5 Kadar dan kaedah bayaran**

- Kadar bayaran yang ditetapkan ialah **RM80.00 sejam**. Peruntukan kewangan bagi projek ini perlu diambil dari peruntukan sediaada dibawah **OS 29000** mengikut kemampuan negeri.
- Semua bayaran perkhidmatan bagi doktor-doktor swasta ini diuruskan oleh jabatan/pejabat kesihatan di mana doktor ini ditempatkan.

### **3.6 Tempat berkhidmat**

Doktor swasta yang dipilih mestilah berkhidmat di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia yang dipilih samada di bandar atau luar bandar. Klinik ini hendaklah dinyatakan dalam surat perjanjian.

### **3.7 Pemilihan klinik**

Perkhidmatan hanya boleh dijalankan di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang dinyatakan di dalam surat perjanjian dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai perubatan kerajaan bertugas serta mempunyai jawatan yang tidak diisi.

### **3.8 Jangkamasa khidmat**

Jangkamasa adalah tertakluk kepada tempoh masa yang persetujuan seperti di dalam surat perjanjian.

### **3.9 Waktu berkerja**

Dalam waktu kerja rasmi seperti yang diwartakan dengan tempoh minima 2 jam dan tidak melebihi dari 8 jam sehari pada hari kerja.

### **3.10 Skop perkhidmatan**

Merangkumi perkhidmatan utama di Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk rawatan kuratif, rawatan pesakit luar dan penjagaan kesihatan ibu dan anak, rawatan kes-kes susulan dan rujukan. Tahap perkhidmatan (level of service) adalah seperti yang ditentukan oleh Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital/Pegawai Perubatan Y/M klinik berkenaan.

### **3.11 Kepastian kualiti (Quality Assurance)**

Semua doktor swasta mesti mematuhi 'quality assurance standards', Standard Operating Procedure, Clinical Practice Guidelines dan apa jua arahan teknikal yang telah dikenalpasti supaya perkhidmatan berkualiti di klinik Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa terpelihara.

### **3.12 Peruntukan undang-undang dan perjanjian**

- i. Semua doktor swasta yang dilantik adalah tertakluk kepada Akta Perubatan 1971 dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam surat perjanjian.
- ii. Doktor swasta yang dilantik dibenarkan memberi cuti sakit lebih dari 2 hari bergantung kepada keadaan pesakit tetapi tidak boleh membuat 'endorsement' cuti sakit dari pengamal swasta.
- iii. Pengarah Kesihatan Negeri diberi kuasa melantik doktor swasta untuk perkhidmatan kesihatan di klinik yang dipilih.

### **3.13 Peruntukan pentadbiran**

- i. Semua doktor swasta mestilah melaporkan diri kepada Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital berkenaan. Semua hal pentadbiran klinik seperti perolehan, urusan kakitangan adalah dibawah tanggungjawab Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital/Pegawai Perubatan Yang Menjaga Klinik.
- ii. Jabatan Kesihatan Negeri perlu mewujudkan proses pengambilan, pemantauan dan pembayaran bagi memastikan pelaksanaan dapat dijalankan secara sistematik.

### **3.14 Tugas dan tanggungjawab (terma rujukan)**

#### **3.14.1 Tugas dan tanggungjawab doktor swasta**

- i. Memberi perkhidmatan di dalam bidang tugas seperti yang telah dipersetujui dalam senarai tugas (**di Lampiran 1**).
- ii. Menjalankan tugas mengikut jadual yang telah disediakan oleh pegawai perubatan yang menjaga.
- iii. Mematuhi semua peraturan-peraturan yang sedia ada di klinik dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital/Pegawai Perubatan Y/M Klinik.
- iv. Melaporkan diri kepada Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital berkenaan dan mengetahui bahawa semua hal pentadbiran klinik seperti perolehan, urusan kakitangan adalah dibawah tanggungjawab Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital/Pegawai Perubatan Yang Menjaga Klinik.

**3.14.2 Tugas dan tanggungjawab Pegawai Perubatan Y/M Klinik**

- i. Menyediakan jadual tugas atau program untuk doktor swasta.
- ii. Mengawasi perkhidmatan doktor swasta di klinik dan memberi teguran secara lisan/bertulis kepada doktor swasta yang tidak mematuhi peraturan.
- iii. Mengemukakan laporan penilaian (**borang - lampiran 3**) perkhidmatan doktor swasta kepada Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital dalam tempoh yang ditentukan.

**3.14.3 Tugas dan tanggungjawab Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital**

- i. Mengenalpasti keperluan khidmat doktor swasta di klinik yang memerlukan dalam daerah masing-masing.
- ii. Meneliti dan memproses permohonan doktor swasta.
- iii. Menguruskan **perjanjian kontrak dan pembayaran** di antara doktor swasta dengan KKM.
- iv. Mengawasi perkhidmatan doktor swasta dan memberi teguran secara lisan/bertulis kepada doktor swasta yang tidak mematuhi peraturan.
- v. Mengemukakan laporan penilaian (**borang - lampiran 3**) perkhidmatan doktor swasta kepada Pengarah Kesihatan Negeri dalam tempoh yang ditentukan.

**3.14.4 Tugas dan tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri**

- i. Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan surat perjanjian.

- ii. Mengemukakan laporan penilaian **(borang - lampiran 3)** perkhidmatan doktor swasta kepada Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga/Bahagian Perkembangan Perubatan pada akhir tahun pelaksanaan atau apabila diperlukan.

#### **4. PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan mengenai projek ini hendaklah dirujuk kepada:

**Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga**

**Aras 8, Blok E10, Kompleks E, Presint 1**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62590 Putrajaya**

**(u.p : Dr Shafiee -Cawangan Penjagaan Kesihatan Primer)**

**Tel : 03-88832171 fax: 03-88832210**

**Pengarah Perkembangan Perubatan**

**Aras 7, Blok E1, Kompleks E, Presint 1**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62590 Putrajaya**

**No. Telefon : 03-8883 1047**

**No. Fax : 03-8883 1427**

#### **5. TARIKH PERLAKSANAAN**

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai tarikh SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL 11/2008: Panduan Bagi Penggunaan Khidmat Doktor Swasta Untuk Perkhidmatan Kesihatan di Klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital dan Klinik Kesihatan) Dengan Kadar Baru RM 80 Sejam dikeluarkan.

**Lampiran 1**

**DS/KK/01**

**SENARAI TUGAS DOKTOR SWASTA DI KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA**

***(Perhatian: Senarai tugas ini boleh dibuat pindaan oleh Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital sekiranya perlu)***

- 1 Membuat pemeriksaan kepada pelanggan yang datang ke klinik untuk rawatan atau pemeriksaan kesihatan.
- 2 Memberikan perkhidmatan yang merangkumi penjagaan kesihatan ibu dan anak, kanak-kanak sekolah, pesakit luar, kesihatan mental, wargatua, remaja dan rehabilitasi.
- 3 Menerima pelanggan yang datang untuk kes-kes rawatan susulan dan rujukan ke klinik.
- 4 Melakukan prosedur-prosedur klinikal kepada pelanggan di klinik seperti prosedur ultrasound, pencegahan kehamilan dan sebagainya.
- 5 Membuat rujukan kes ke pakar atau jabatan-jabatan tertentu untuk penyelesaian masalah pelanggan apabila diperlukan.
- 6 Memberi rawatan kecemasan yang diperlukan oleh pelanggan termasuk diwaktu bencana.
- 7 Membuat kaunseling dan nasihat kepada pelanggan tentang kesihatan dan penyakit dan masalah yang berkaitan.
- 8 Mengambil langkah-langkah yang perlu apabila terdapat trend kejadian penyakit berjangkit di jangka berlaku di kawasan operasi contohnya wabak taun ketika musim banjir.
- 9 Melakukan dan mengetahui penyiasatan-penyiasatan tertentu yang dikehendaki seperti kematian ibu, kematian bayi dan aduan-aduan pelanggan di peringkat klinik.
- 10 Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan yang dijalankan di peringkat klinik kesihatan.
- 11 Menjalankan tugas-tugas tertentu yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital dari masa ke semasa.

**Lampiran 2**

**DS/KK/02**

**BORANG PERMOHONAN BAGI PENGAMBILAN DOKTOR SWASTA  
UNTUK BERKHIDMAT DI KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. Nama penuh pemohon : .....  
(Huruf besar)
2. Nombor Kad Pengenalan: ..... 3. Warganegara: .....
4. Umur : ..... 5. Jantina : .....
6. Alamat pos : .....  
.....  
.....  
Alamat Klinik Pengamal: .....  
.....  
.....
7. Nombor telefon : Pejabat : ..... Rumah : .....  
H/Phone : .....
8. Maklumat mengenai Kelayakan Perubatan :-  
( Sila kembalikan salinan yang telah disahkan )

Ijazah	Universiti	Tarikh

9. Nombor pendaftaran penuh : .....
10. No Sijil Perakuan Amalan Tahunan :  
Tarikh Sijil Perakuan Amalan Tahunan dikeluarkan:.....  
( Sila Kembalikan salinan sijil yang disahkan )

11. Pengalaman Berkerja

11.1 Pengalaman Berkerja di Institusi Kerajaan

Tempat berkerja (Kerajaan)	Tempoh

11.2 Pengalaman Bekerja di Institusi Swasta

Tempat berkerja (Swasta)	Tempoh

12. Nyatakan tempat (klinik yang dipilih dan jarak dalam km) yang anda berminat untuk berkerja mengikut keutamaan.

- ( i ) .....
- ( ii ) .....
- ( iii ) .....
- ( iv ) .....

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua kenyataan yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

Lampiran 3

DS/KK/03

**BORANG PENILAIAN BAGI DOKTOR SWASTA  
YANG BERKHIDMAT DI KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. ARAHAN**

Penilaian ini perlu dibuat setelah tamat tempoh pelaksanaan. Borang yang lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri dan seterusnya ke Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga/Pengarah Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

**BAHAGIAN I**

Maklumat doktor swasta

NAMA PENUH :	
KLINIK YANG DITEMPATKAN:	
NOMBOR TELEFON :	
JANTINA :	
UMUR :	
TARIKH LAHIR : TEMPAT LAHIR :	
TARAF PERKAHWINAN :	NOMBOR KAD PENGENALAN :
TARIKH PERLANTIKAN : ( tarikh tandatangan surat perjanjian)	
KELAYAKAN :	
SEJARAH KERJA : ( boleh dinyatakan sebagai lampiran )	

**BAHAGIAN II**

**Untuk diisi oleh Pegawai Perubatan yang Menjaga**

**Penilaian ini adalah berdasarkan kepada skala 1 hingga 10.**

**Skala**

**9, 10  
6, 7, 8  
3, 4, 5  
1, 2**

**Penilaian**

**Terbaik (Excellent)  
Baik (Good)  
Sederhana (Average)  
Tidak Memuaskan (Not Satisfactory)**

Laporan penilaian ini adalah dari tempoh.....

ke .....

	<b>Skor</b>	<b>Komen</b>
1. Pengetahuan mengenai tugas -tugas klinikal		
2. Skil dan keupayaan menjalankan tugas-tugas klinikal		
3. Kualiti kerja		
4. Keupayaan menguruskan kes		
5. Daya inovasi		
6. Daya inisiatif		
7. Keupayaan membuat keputusan		
8. Hubungan "interpersonal" dengan pesakit dan saudara pesakit		
9. Hubungan "interpersonal" dengan kakitangan		
10. Tanggungjawab dan dedikasi kepada tugas		

13. Saranan : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

14. Nama pegawai perubatan yang menilai :

**BAHAGIAN III**

Laporan oleh Pegawai Kesihatan Daerah/Pengarah Hospital . Lihat cadangan seperti dilampiran 7.

**BAHAGIAN IV**

Laporan berdasarkan Lampiran 4 dan lampiran 5.

**BAHAGIAN V**

Ulasan dari Pengarah Kesihatan Negeri.

Lampiran 4

**DS/KK/04**

**BORANG PENILAIAN OLEH DOKTOR SWASTA**  
*(Untuk di isi oleh doktor swasta apabila tamat tempoh pelaksanaan)*

Perkara	Maklumbalas (tandakan ✓ pada mana yang berkenaan)		Cadangan
	Sesuai	Tidak sesuai	
Kadar bayaran			
Skop kerja			
Beban kerja			
Proses kerja			
Garis panduan, CPG			
Masa perkhidmatan			
	Memuaskan	Tidak memuaskan	
Hubungan dan kerjasama dengan kakitangan klinik			
Persekitaran kerja			
	Memuaskan	Tidak memuaskan	
Peralatan asas perubatan			
Perkhidmatan sokongan			
1. farmasi			
2. makmal (ujian asas)			
3. pengimejan			

Lain – lain komen jika ada:

.....  
 .....

Lampiran 5

**DS/KK/05**

**BORANG PENILAIAN OLEH PELANGGAN TERHADAP KHIDMAT DOKTOR  
SWASTA**

(\* untuk diisi oleh pelanggan)

Perkara	Maklumbalas (tandaikan ✓ pada mana yang berkenaan)		Cadangan
	Memuaskan	Tidak memuaskan	
Masa menunggu			
Masa konsultasi			
Nasihat kesihatan yang diberi			
Layanan keseluruhan yang diberi			
Kesan terhadap penyakit yang dirawat(jika berkaitan)			
Pengetahuan tentang penyakit dan rawatan yang diberi			
Penampilan diri doktor			

Lain – lain komen jika ada:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

**\* Perhatian:**

- *kakitangan kesihatan perlu meminta pelanggan mengisi borang ini.*
- *Setiap borang adalah untuk satu orang pelanggan sahaja.*
- *Pelanggan hendaklah dipilih secara rawak dengan jumlah sampel yang sesuai.*

Lampiran 6

**DS/KK/06**

**CONTOH BUKU REKOD HARIAN DOKTOR SWASTA DI KLINIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Tarikh	Masa masuk	Masa keluar	Jumlah masa dalam jam

Bil	Nama pesakit	Diagnosis	Penyiasatan (makmal, x-ray,US)	Rawatan /prosedur	Ubatan

Disemak dan disahkan oleh: .....

t.tandatangan

Nama dan jawatan:

## Lampiran 7.

DS/KK/07**CADANGAN PERKARA UNTUK LAPORAN DAN ULASAN  
PEGAWAI KESIHATAN DAERAH /PENGARAH HOSPITAL**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Sumber Maklumat dan Kaedah</b>
1	Sambutan doktor swasta	Bil. Permohonan diterima, bil.perjanjian ditandatangani. Dapatkan jumlah keseluruhan. Dapatkan peratusan dari total doktor swasta yang ada di daerah/negeri
2	Kos dan bayaran	Catatan masa dari rekod harian, Jumlah masa( jam) x RM 40 sejam, Dapatkan jumlah kos keseluruhan didaerah dan negeri.
3	Kesesuaian masa -masa yang dipilih	Catatan masa dari rekod harian Maklumbalas dari doktor swasta(lampiran 4) Dapatkan waktu yang dipilih Tentukan peratusan mengikut waktu yang dipilih
4	Kesinambungan perkhidmatan – tempoh masa sanggup berkhidmat	Catatan masa dari rekod harian <b>Dapatkan tempoh masa berkhidmat</b> Tentukan peratusan mengikut tempoh masa khidmat
5	Skills	Catatan markah borang penilaian (lampiran 3), catatan rekod harian <b>Buat penilaian dari butiran borang</b>
6	Kualiti kerja / Mutu perkhidmatan	Catatan markah borang penilaian (lampiran 3), Catatan rekod harian <b>Buat penilaian dari butiran borang</b>
7	Beban kerja	Catatan rekod harian Dapatkan jumlah kedatangan Bandingkan dengan kedatangan keseluruhan, Bandingkan dengan kedatangan dilihat oleh pegawai perubatan
8	Kepuasan pelanggan	Catatan dari borang penilaian pelanggan (lampiran 5) Buat penilaian dari butiran borang
9	Ulasan dan cadangan lain jika ada	

**AGREEMENT FOR THE ENGAGEMENT OF PRIVATE DOCTOR IN THE MINISTRY OF HEALTH**

**THIS AGREEMENT** is made on the ..... day of ..... 20 ..... between the **Government Of Malaysia** as represented by the Ministry of Health, Malaysia having its address at Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 65290 Putrajaya (hereinafter referred to as "the Government") of one part and

..... of  
.....  
.....

(hereinafter referred to as 'the Private Doctor') of the other part (*singularly referred to as the "Party" and collectively referred to as the "Parties"*).

**WHEREAS** the Government is desirous of engaging the Private Doctor in providing medical care services in the Ministry of Health and the Private Doctor has agreed to be so engaged upon terms and conditions hereinafter contained.

**IT IS HEREBY AGREED** as follows:

**1. ENGAGEMENT**

1.1 The Government shall as from the ..... day of ..... 20..... engage the Private Doctor, and the Private Doctor shall serve the Government at ..... (hereinafter referred to as "the Clinic").

1.2 Subject to Clause 13.2, the Private Doctor shall serve the Government for a period of ..... commencing from the date mentioned in Clause 1.1 (hereinafter referred to as "the period of engagement").

**2. SCOPE OF SERVICE**

2.1 The Private Doctor shall provide the medical care services as specified in Annexure A (hereinafter referred to as "medical care services") for a minimum period of two (2) hours or a maximum period of eight (8) hours a day.

**3. RESPONSIBILITIES OF THE PRIVATE DOCTOR**

- 3.1 The Private Doctor shall, during the period of engagement -
- (a) be fully registered with the Malaysian Medical Council and possess a valid current annual practices certificate;
  - (b) be responsible to the Director General of Health, Ministry of Health or to any officer as the Director General of Health may nominate (hereinafter collectively referred to as "the Officer");
  - (c) discharge his duties under the directive and control of the Officer;
  - (d) observe, obey and comply with the orders, instructions and direction whether given orally or in writing by the Officer;
  - (e) attend to all patients referred to him for any medical care;
  - (f) use the staff, drugs, equipment and medical supply available in the Clinic;
  - (g) be responsible for the care of all equipment and facilities provided for his use;
  - (h) use the Clinic medical record but shall not remove any patient record from the Clinic;
  - (i) issue and certify documents related to his patients such as medical leave as and when required by the Officer;
  - (j) be responsible and accountable for any legal matters pertaining to the management of the patient and this includes attendance in court;
  - (k) not remove from the Clinic any material, pamphlet or any other document of the Government without prior written approval of the Government; and
  - (l) observe and conform to all the laws, customs and ethics of the medical profession.
- 3.2 The Private Doctor shall perform his obligations with due diligence and efficiency and in accordance with accepted current practices and always safeguard and protect the Government's interest.

3.3 The Private Doctor shall ensure that the performance of his obligations complies with this Agreement and shall exercise the highest degree of skill and workmanship in carrying out his obligations.

#### **4. RESPONSIBILITIES OF THE GOVERNMENT**

4.1 The Government shall provide and make available the necessary staffs, equipments or other support services to facilitate the provision of the medical care services by the Private Doctor under this Agreement.

#### **5. PAYMENTS**

5.1 The Private Doctor shall be paid an amount of Ringgit Malaysia eighty (RM80.00) per hour for the medical care services he provides under this Agreement.

#### **6. WRITTEN MEDICAL OPINION OR REPORT**

6.1 The Private Doctor shall prepare and certify a written medical opinion or report related to any patient referred to him for his medical care as and when required by the Officer.

6.2 Where the Private Doctor is required to prepare a written medical opinion or report, the Government shall pay to the Private Doctor an amount as specified in Part 4 of Schedule H of the Fees (Medical) Order 1982.

#### **7. NOTICES**

7.1 Any notice to be given by a Party under this Agreement to the other Party shall be by registered letter addressed to the later at the following addresses and any such letter shall be deemed to have been delivered in the ordinary course of post -

##### **Address of the Government**

Director General of Ministry of Health  
Ministry of Health  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E,  
Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
65290 Putrajaya

##### **Address of Private Doctor**

## **8. INDEMNITY**

- 8.1 Notwithstanding Clause 3.1, the Private Doctor shall indemnify in full and hold the Government harmless from and against any actions, suits, claims, demands, proceedings, losses, damages, compensation, costs (including legal costs), charges and expenses whatsoever to which the Government shall or may be or become liable in respect of and arising from:
- (a) any breach by the Private Doctor of *his* obligations under this Agreement;
  - (b) any negligent act, error or omission on the part of the Private Doctor in the performance of the *medical care* services;
  - (c) the misconduct of the Private Doctor;
  - (d) any loss or damage to any property or injury to any person of whatsoever nature or kind and howsoever or wheresoever sustained or caused or contributed by the Private Doctor and not caused by the negligence or wilful act, default or omission of the Government or any of its officers, employees or agents; or
  - (e) any loss, damage or injury of whatsoever nature or any property or person to the extent the same is occasioned or contributed by any act, omission, neglect, breach or default of the Private Doctor, except to the extent that such breach is caused by the negligent act, error or omission on the part of the Government or any of its officers, employees or agents.

## **9. CONFIDENTIALITY**

- 9.1 The Private Doctor shall not, at any time, disclose (except to the Government) any information with respect to the patients and affairs of the Clinic or any document or directives given to him by the Clinic under this Agreement unless with the prior approval in writing of the Government.
- 9.2 Upon termination of this Agreement, the Private Doctor shall return all document and directives given to him under Clause 9.1 to the Government.

## **10. DISPUTES**

- 10.1 Any dispute arising between the Parties hereto with regard to this Agreement or to their duties, powers or liabilities or with regard to the construction of any clause or any act or thing to be done in pursuance or arising out of anything contained under the Agreement whether during the continuance of this Agreement or upon or after its termination shall be settled amicably by consultation between the Private Doctor and the District *Health Officer/Hospital Director*.
- 10.2 If no decision can be taken during the consultation under Clause 10.1 either Party may refer the dispute to the State Director of Health and his decision shall be final and binding.

## **11. WAIVER**

- 11.1 The failure of any Party to enforce, at any time, any provision of this Agreement shall not be construed as a waiver of its right to enforce the breach of that provision or any other provision of this Agreement or as a waiver of any continuing, succeeding or subsequent breach of that provision or any other provision of this Agreement.

## **12. AMENDMENTS**

- 12.1 No amendment of this Agreement shall have any legal force or effect unless such amendment is in writing and signed by both Parties.

## **13. TERMINATION**

- 13.1 If the Private Doctor at any time neglects or refuses or fails to comply with any direction or circular of the Government or the Officer, or misconduct's himself or commits any breach of this Agreement, the Government may terminate his engagement by **giving one (1) week** of notice, and upon such termination all rights reserved to the Private Doctor under this Agreement shall forthwith cease.
- 13.2 During the period of engagement either Party may terminate this Agreement upon giving **one (1) week** notice in writing of its or his desire to do so.

**IN WITNESS WHEREOF** the Parties hereto have hereunto set their hands the day and year first above written.

(For and on behalf of )  
**THE GOVERNMENT OF MALAYSIA** )

in the presence of:

.....  
Name :  
I/C Number:

The Private Doctor )

in the presence of:

.....  
Name :  
I/C No:

**Annexure A**

**THE DUTIES OF A PRIVATE DOCTOR**

**( The Medical Officer of Health/Hospital Director is allowed to make any changes if necessary)**

- a) To examine the patients who come for medical treatment and medical check up.
- b) To provide out patient care , maternal and child health care, school health services, mental health care, elderly care, adolescent health care and rehabilitative care .
- c) To provide medical follow up care for the patients if required.
- d) To carry out relevant medical or clinical procedures if required such as ultrasound, contraceptive methods etc.
- e) To refer the patients to the hospital or for specialist care if required.
- f) To provide appropriate emergency care whenever required including medical care during any crisis or disaster.
- g) To advise and counsel the patients on diseases or health related issues.
- h) To take appropriate preventive measures if an epidemic is likely to occur.
- i) To conduct the necessary investigations if required such as for maternal death or perinatal death etc.
- j) To participate in health promotion and health education activities at clinic level.
- k) To carry out specific duties as instructed by Medical Officer of Health/Hospital Director from time to time.